

Gagasan Onn Jaafar menjangkau zaman

Idea Presiden Umno pertama masih relevan

BH- 5/12/2006

Oleh Johan Afandi

NAMA Datuk Onn Jaafar sentiasa terpahat dalam hati rakyat Malaysia, terutama orang Melayu sebagai pejuang tulen dan sentiasa mendapat tempat istimewa dalam sejarah nasionalisme negara.

Justeru, apabila Umno Johor mengadakan Seminar Pemikiran Kebangsaan Mengenai Datuk Onn di Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor (Persada) di Johor Bahru, bermula hari ini (Sabtu), sudah tentu ramai yang terfikir apakah hala tuju dan semangat Presiden Umno pertama ini masih terus relevan dalam konteks politik negara.

Seminar yang julung kali diadakan adalah sebahagian program Datuk Onn: Pengasas Sebuah Negara Bangsa, bermula Februari lalu. Program ini adalah inisiatif Umno Johor sempena sambutan 60 tahun Umno bagi mengimbas kembali perjuangan pengasas Umno itu yang sebelum ini, dikaburi dengan tindakannya meninggalkan parti kerana pertelagahan prinsip.

Sempena Program Memperingati Datuk Onn, 35 tokoh akademik membincangkan 12 topik mengenai sejarah perjuangan dan pemikiran negarawan ulung ini. Selain pakar sejarah dan bahasa seperti Profesor Datuk Dr Khoo Kay Kim dan Profesor Dr Awang Sariyan, dua pensyarah dari Indonesia dan Singapura juga diundang sebagai pembentang kertas kerja.

Persidangan itu adalah anjuran Badan Perhubungan Umno Johor dan Yayasan Warisan Johor (YWJ) dengan kerjasama Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Akademi Pengajian Melayu, UM.

Kedua-dua tokoh sejarah terkenal itu akan membentangkan sebahagian 35 tokoh akademik yang membincangkan 12 topik mengenai sejarah perjuangan dan pemikiran Onn.

Sempena persidangan itu juga satu majlis pengkisahan semula perju-

ngan Datuk Onn yang akan disampaikan sendiri oleh anaknya, Brig Jen (B) Datuk Jaafar dan anak saudara Onn, Prof Syed Hussein Al Attas turut diadakan malam ini dan esok.

Sebagai kesinambungan kepada inisiatif itu, sebuah buku mengenai perjalanan perjuangan negarawan negara itu akan diterbitkan dan dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebenarnya, Datuk Onn yang dilahirkan di Johor Bahru, 111 tahun lalu mempunyai gagasan, semangat dan buah fikiran yang terus relevan dalam pemikiran rakyat negara ini.

Malah, jika dikaji dengan teliti, semangat dan perjuangan anak kepada Menteri Besar Johor pertama, Datuk Jaafar Muhammad ini, adalah sama, malah tidak keterlaluan jika dikatakan lebih hebat daripada pejuang nasionalisme dunia yang lain seperti Mahatma Gandhi di India dan Sukarno di Indonesia.

Apa yang menguatkan hujah itu ialah ketika Datuk Onn mendamaikan pergaduhan orang Melayu dan Cina di Batu Pahat, beliau hanyalah seorang Pegawai Daerah di satu daerah kecil di Johor.

Jika tidak kerana kepakaran beliau dengan hujah serta semangat-

“Suatu hari kelak Umat Melayu akan bersatu di bawah satu kerajaan... semuanya akan bercantum iaitu semua negeri atau bumi yang akan mempunyai penduduk yang mengaku Melayu...”

Onn Jaafar
Presiden Umno pertama

nya, ia memberikan satu kesan yang besar terhadap kedaulatan sebuah negara dan kedaulatan itu dipertahankan tanpa pentumpahan darah.

Satu lagi bukti kuat mengenai ketokohan Datuk Onn, ialah ketika mula-mula menggerakkan penyatuan orang Melayu menentang Malayan Union, beliau juga hanya bekerja sebagai pegawai kerajaan biasa.

Istimewanya, Datuk Onn pada kaca mata masyarakat Malaysia yang perlu terus diingati sehingga generasi depan, adalah perjuangannya menentang Malayan Union kerana jika ia tidak berlaku, apa yang dinikmati pada masa ini, tidak mungkin dapat dirasai.

Kalaulah orang Melayu ketika itu tidak disedarkan beliau dan Malayan Union diterima menjadi kenyataan, orang Melayu kini tidak lagi mempunyai hak keistimewaan di bumi sendiri dan Raja Melayu mungkin hilang kedaulatannya.

Justeru, kita perlu berfikir sejenak mengenai insan istimewa, bagaimana pemikirannya dapat memandangi ke depan dan mengetahui sesuatu perlu dilakukan segera bagi menyelamatkan bangsanya yang ketika itu dilabelkan sebagai masyarakat kelas ketiga, mengemis di bumi sendiri.

Dialah perintis sebuah negara bangsa, mengorbankan kepentingan dirinya untuk bangsa dan negaranya hingga tercetus gelombang kemerdekaan dan penubuhan parti keramat orang Melayu di Istana Besar Johor, 60 tahun lalu.

Insan ini, juga yang menjadi jambatan penghubung antara rakyat biasa dan golongan Istana sehingga kedua-duanya bersatu padu, bekerjasama ke arah memastikan hak dan keistimewaan tidak diperkotak-katikkan penjajah Inggeris.

Kata-kata Datuk Onn yang dilafazkan pada April 1946, perlu dijadikan renungan: "Pada suatu hari kelak Umat Melayu akan bersatu di bawah satu kerajaan...semuanya akan bercantum iaitu semua negeri atau bumi yang akan mempunyai penduduk yang mengaku Mela-

yu...kita dua setengah juta di sini hendaklah menjalankan langkah yang cermat...langkah pertama ialah menyatukan umat Melayu dalam Semenanjung ini."

Itulah cabaran terbesar Datuk Onn ketika itu, pada masa orang Melayu hidup dengan semangat suku kaum masing-masing, yang Bugis dengan Bugisnya, Jawa dengan Jawanya, Kelantan dengan Kelantan dan Datuk Onn perlu memikirkan strategi ampuh bagi menaikkan semangat mereka bersatu di bawah satu kaum dinamakan Melayu.

Untuk menentang Malayan Union sebenarnya, bukan satu tugas mudah dan Datuk Onn mencadangkan gabungan besar pertubuhan orang Melayu

diwujudkan dan pada tarikh keramat 4 Mei 1946, lahir Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu atau ringkasnya, Pe-kembar dalam bahasa Melayu dan Umno dalam bahasa Inggeris.

Sumpahan Umno itu sendiri dicipta Datuk Onn yang membawa parti ini, mendapat daulat daripada Raja Melayu dan sebab itu, Umno bukan parti yang lahir di tepi longkang tetapi di dalam Istana.

Datuk Onn melalui segala-galanya sebagai seorang tentera yang berkhidmat sebagai kadet dalam Tentera Johor mulai 1917 hingga mendapat pangkat Leftenan.

Sebagai seorang pegawai kerajaan, Datuk Onn berkhidmat daripada pegawai biasa hingga menjawat jawa-

tan Menteri Besar, sebagai seorang ahli politik dan juga sebagai seorang wartawan yang pernah bekerja sebagai Ketua Pengarang *Warta Malaya* dan *Sunday Mirror*.

Meninggal dunia pada hari Jumat, 19 Januari 1962, di Hospital Besar Johor Bahru, Datuk Onn adalah pejuang, seorang pahlawan yang tak ada tolak bandingnya dan jasanya boleh disifatkan sebagai wira agung Melayu moden sehebat Tun Perak pada zaman keagungan Melaka.

Jasanya menubuhkan Umno adalah asas senario politik Malaysia, tanpa Umno tidak akan lahir Perikatan, tidak akan ada Tunku Abdul Rahman. Tanpa Perikatan antara Umno, MCA dan MIC, kita tidak mencapai kemerdekaan.